

Muallim Half Marathon 2025 Catat Sejarah Penganjuran Sulung

Tg Malim 31 Disember - Muallim Half Marathon (MHM) 2025 mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya dianjurkan buat julung kalinya dengan penyertaan seramai 1,800 peserta dari dalam dan luar negara. Acara berprestij ini turut menarik minat pelari antarabangsa dari Bangladesh, Brunei, Indonesia, Kenya, Maldives, Nepal, Filipina, Singapura, Thailand dan Jepun, sekali gus mengangkat nama Daerah Muallim & UPSI ke persada sukan larian antarabangsa.

Edisi sulung MHM 2025 mempertandingkan tiga kategori utama, iaitu 21 kilometer, 10 kilometer dan 5 kilometer, yang telah berlangsung pada 28 Disember 2025 bertempat di Gerbang Suria, Arena, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Laluan yang disediakan bukan sahaja mencabar, malah menawarkan suasana kampus yang kondusif serta laluan jalan raya serta selamat kepada semua peserta. Pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Salwati Mohd Aris, Penasihat Undang-Undang dan Hanafi Junit, Ketua Audit Dalam,

yang menandakan bermulanya acara penuh semangat dan keterujaan. Menurut Mohd Shahrul, selaku Race Director / Route Manager Muallim Half Marathon 2025, penganjuran sulung ini merupakan hasil perancangan rapi serta kerjasama erat pelbagai pihak. "MHM 2025 bukan sekadar sebuah acara larian, tetapi platform untuk menyatukan komuniti pelari tempatan dan antarabangsa dalam suasana yang selamat, tersusun serta berstandard tinggi. Penekanan khusus diberikan terhadap perancangan laluan, aspek keselamatan dan pengalaman peserta agar penganjuran pertama ini meninggalkan impak positif," katanya.

Sementara itu, Firdaus Mohd Sahir, selaku Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Absolute Wellness, menyifatkan penganjuran Muallim Half Marathon 2025 sebagai satu inisiatif penting dalam mempromosikan gaya hidup sihat dan kesejahteraan komuniti. "Sebagai rakan penganjur, Absolute Wellness melihat MHM 2025 sebagai platform strategik untuk menggalakkan amalan hidup aktif di samping mengukuhkan hubungan antara komuniti sukan, institusi dan masyarakat setempat. Sambutan luar biasa pada edisi pertama ini membuktikan potensi besar acara ini untuk berkembang pada masa akan datang," jelasnya.

Beliau turut berharap agar Muallim Half Marathon dapat diteruskan sebagai acara tahunan yang bukan sahaja berteraskan sukan, malah memberi impak positif kepada kesihatan, ekonomi setempat dan pelancongan sukan. Penganjur turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), IIPD Muallim, Bahagian Keselamatan UPSI, Pusat Sukan UPSI, serta rakan penaja iaitu FAMA, N8, 100Plus dan Fuji Bakery atas sokongan padu dalam memastikan kelancaran serta kemeriahan acara. Muallim Half Marathon 2025 dianjurkan secara kolaboratif oleh Absolute Wellness, Bahagian Audit Dalam (BhAD) dan Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK) dengan objektif menghimpunkan penggiat sukan larian jarak jauh dan sederhana dari dalam serta luar negara, di samping memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Gema Iman: Malam Ambang Tahun Baru Menyentuh Jiwa Mahasiswa

Tanjong Malim, 30 Disember
- Dalam usaha memperkukuh penghayatan rohani dalam kalangan mahasiswa, satu program berunsur kerohanian bertajuk “Gema Iman: Malam Ambang Tahun Baru” telah berjaya dianjurkan sebagai satu inisiatif untuk mempertingkatkan kesedaran iman serta pembinaan sahsiah mahasiswa/i.

Program anjuran Exco Modal Insan dan Pembangunan Sahsiah, Majlis Mahasiswa Kolej Ungku Omar (MMKUO) Sidang 2025/2026 berjaya menghimpunkan para mahasiswa/i dalam suasana penuh penghayatan melalui pengisian yang penuh berfaedah dengan nilai-nilai keagamaan sebagai inisiatif untuk memberi pendedahan tentang alunan qasidah dan sesi tausiah. Pengarah Program Gema Iman, Muhammad Faris Iman Abdul Razak menyatakan harapan beliau agar program ini dapat menjadi platform berterusan dalam membentuk mahasiswa yang seimbang dari

segi akademik, emosi dan iman. “Semoga program ini juga dapat melahirkan mahasiswa/i yang berakhlak mulia, berdaya saing serta peka terhadap tanggungjawab sosial”.

Ucap Ummikalsum binti Mat Lazim, Felo Penasihat Program dalam ucapan perasmian beliau, beliau menekankan kepentingan muhasabah diri dan persediaan rohani. “Mahasiswa perlu sentiasa melakukan muhasabah diri agar mampu membina jati diri yang kukuh serta bersedia menghadapi cabaran masa hadapan dengan lebih berkesan.”

Secara keseluruhannya, Program Gema Iman bukan sahaja berfungsi sebagai pengisian rohani sempena ambang tahun baru, malah menjadi platform penting dalam membentuk mahasiswa yang seimbang dari segi akademik, emosi dan iman.

UPSI Hantar 10 Anggota Bahagian Keselamatan Ikuti Kursus Polis Bantuan

Tanjong Malim, 20 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menghantar seramai 10 orang anggota daripada Bahagian Keselamatan UPSI untuk mengikuti Kursus Asas Polis Bantuan di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Air Hitam, Negeri Sembilan.

Kesemua pelatih telah melapor diri pada 4 Januari 2026 dan akan menjalani latihan intensif selama 63 hari dan tamat pada 7 Mac 2026. Penyertaan ini merupakan satu langkah strategik universiti dalam memperkukuh tahap keselamatan kampus serta meningkatkan profesionalisme anggota keselamatan UPSI selaras dengan keperluan semasa. Kursus Asas Polis Bantuan ini merangkumi latihan fizikal dan mental yang menyeluruh, termasuk modul undang-undang kepolisan, kawad,

disiplin, pengurusan keselamatan, kawalan orang ramai serta latihan penguatkuasaan. Latihan ini bertujuan melahirkan anggota Polis Bantuan yang berdisiplin tinggi, berintegriti dan cekap dalam melaksanakan tugas. Menurut Pegawai Bahagian Keselamatan UPSI, INSP/PB Shaarin Jamaluddin, penyertaan anggota keselamatan dalam kursus ini amat penting bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan kemahiran anggota di lapangan.

“Penyertaan 10 orang anggota Bahagian Keselamatan UPSI dalam Kursus Asas Polis Bantuan ini diharap dapat memperkukuh pengetahuan, disiplin serta kemahiran penguatkuasaan anggota, seterusnya menyumbang kepada keselamatan kampus yang lebih terjamin,” katanya.



Mesin Cetak Layan Diri Mudahkan Urusan Pelajar UPSI

Tanjong Malim, 30 Disember - Kemudahan mesin cetak layan diri yang disediakan di Kolej Harun Aminurrashid (KHAR), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), kini menjadi antara inisiatif paling membantu pelajar dalam mengurus keperluan akademik mereka. Dengan akses yang fleksibel dan mesra pengguna, mesin ini membolehkan pelajar mencetak tugas, nota kuliah dan dokumen penting pada bila-bila masa tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada kedai percetakan luar.

Dalam kehidupan pelajar universiti yang sering terikat dengan jadual padat dan tarikh akhir tugas, kehadiran mesin cetak layan diri ini memberi kelegaan besar. Pelajar tidak lagi perlu bergegas keluar kolej semata-mata untuk mencetak dokumen, terutamanya pada waktu malam atau saat akhir sebelum penghantaran tugas.

Mesin ini beroperasi secara automatik dan mudah digunakan. Pelajar hanya perlu memuat naik fail melalui peranti mereka atau menggunakan aplikasi mudah alih yang disediakan, membuat bayaran yang berpatutan, dan cetakan boleh

dilakukan dalam masa singkat. Kemudahan ini bukan sahaja menjimatkan masa, malah membantu pelajar merancang tugas dengan lebih teratur dan efisien.

Bagi kebanyakan pelajar, mesin cetak layan diri ini juga menjadi penyelesaian ketika kecemasan. Situasi seperti pencetak rosak, kehabisan dakwat atau keperluan mencetak dokumen secara mengejut dapat diatasi dengan cepat. Hal ini secara tidak langsung mengurangkan tekanan pelajar, khususnya ketika musim peperiksaan dan penghantaran tugas bertindih.

Menurut Dr. Ahmad Sauffiyen Abu Hasan, Pensyarah Jabatan Komunikasi (JKOM), Universiti Pendidikan Sultan Idris penyediaan kemudahan seperti mesin cetak layan diri menunjukkan bagaimana teknologi kecil boleh memberi impak besar kepada pelajar. “Kita berada dalam era masyarakat tanpa tunai. Pada hari ini, penggunaan wang itu lebih kepada penggunaan digital jadi wujudnya mesin-mesin seperti ini akan memudahkan pelajar untuk melakukan tugas seperti mencetak dokumen, tugas kuliah dan sebagainya tanpa

perlu ke mesin ATM, bank dan sebagainya.” jelas beliau.

Beliau turut menambah bahawa ini adalah satu kemudahan yang baik dan jika diberikan peluang mungkin ia adalah sesuatu yang boleh diperluaskan. Bukan sahaja di kampus ini tetapi di mana-mana kampus di Malaysia.

Selain itu, mesin cetak layan diri ini juga menggalakkan sikap berdikari dalam kalangan pelajar. Mereka belajar mengurus keperluan akademik sendiri tanpa terlalu bergantung kepada pihak lain. Pada masa yang sama, pelajar menjadi lebih peka terhadap perancangan masa dan pengurusan dokumen.

Secara keseluruhannya, kewujudan mesin cetak layan diri di Kolej Harun Aminurrashid, Universiti Pendidikan Sultan Idris ini merupakan satu langkah positif dalam meningkatkan kemudahan pembelajaran pelajar. Dengan akses cetakan yang mudah, pantas dan fleksibel, inisiatif ini bukan sahaja menyokong keperluan akademik, malah membantu mewujudkan persekitaran kolej yang lebih kondusif dan mesra pelajar.

